



Perolehan suku pertama kumpulan Perangsang meningkat kepada RM95.84 juta

31 Mei 2018

KUALA LUMPUR, 31 Mei (Bernama) -- Untung bersih **Kumpulan Perangsang Selangor Bhd** untuk suku pertama berakhir 31 Mac, 2018, susut kepada RM13.21 juta daripada RM20.21 juta pada tempoh sama tahun lepas.

Perolehan bagaimanapun, meningkat kepada RM95.84 juta daripada RM76.76 juta sebelumnya, kata syarikat itu dalam makluman kepada Bursa Malaysia, hari ini.

Menurut syarikat itu, perolehan yang tinggi itu disebabkan oleh sumbangan yang tinggi sebanyak RM44 juta daripada penyedia pembungkusan simen Century Bond Bhd (CBB) berbanding RM39.6 juta tahun lalu.

"CCB juga memberikan sumbangan majoriti kepada perolehan suku pertama kumpulan sebanyak 45.9 peratus, diikuti oleh perniagaan perdagangan Aqua-Flo Sdn Bhd, yang meraih peningkatan jualan sebanyak 4.3 peratus kepada RM26.3 juta, menjadikan 27.4 peratus daripada sumbangan perolehan kumpulan," katanya.

-- BERNAMA

<http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1468419>